



PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : 10 April 2020

Bil. 3/2020

No. Ruj. : UMS/PEND2.1/100-1/7/2

GARIS PANDUAN PEMBERIAN ELAUN KHAS KEPADА KAKITANGAN UMS YANG TERLIBAT DALAM MENANGANI DAN MEMBENDUNG PENULARAN WABAK COVID-19 DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan pemakaian Garis Panduan Pemberian Elaun Khas kepada Kakitangan UMS Yang Terlibat Dalam Menangani dan Membendung Penularan Wabak COVID-19 di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Malaysia menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 telah bersetuju untuk memberi elaun khas bulanan kepada penjawat awam yang terlibat langsung dalam pengurusan dan membendung wabak COVID-19 sebagai satu penghargaan daripada Kerajaan terhadap pengorbanan dan jasa pegawai/ petugas yang tersebut.
- 2.2 Sehubungan dengan itu, Pengurusan Universiti telah mengadakan Garis Panduan Pemberian Elaun Khas kepada Kakitangan UMS Yang Terlibat Dalam Menangani dan Membendung Penularan Wabak COVID-19 di Universiti Malaysia Sabah (UMS).
- 2.3 Garis Panduan ini telah diluluskan secara edaran oleh Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah pada 7 April 2020.

3.0 KELAYAKAN

- 3.1 Kerajaan Malaysia menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 telah bersetuju untuk memberi elaun khas bulanan kepada penjawat awam yang terlibat langsung dalam pengurusan dan membendung wabak COVID-19 sebagai satu penghargaan daripada Kerajaan terhadap pengorbanan dan jasa pegawai/ petugas yang tersebut.

3.2 Kadar elan yang dibayar kepada kakitangan yang layak adalah seperti berikut;

a. **kakitangan perubatan dan klinikal**

Bil.	Elaun	Tempoh	Rujukan
i.	RM400 sebulan	Feb- Mac	Pakej Rangsangan Ekonomi 2020
ii.	RM600 sebulan	April- Jun	Perubahan berdasarkan ucapan YAB Perdana Menteri pada 27 Mac 2020- Pakej Rangsangan Ekonomi Perihatin

b. **lain-lain kakitangan dan petugas UMS yang diarahkan bertugas sepanjang tempoh tersebut**

Bil.	Elaun	Tempoh	Rujukan
i.	RM200 sebulan	Feb- Jun	Pakej Rangsangan Ekonomi 2020

3.3 Kakitangan Klinikal Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) bersama Pensyarah Perubatan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), serta lain-lain kakitangan yang terlibat secara langsung dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 di Universiti Malaysia Sabah (UMS) hendaklah melaksanakan skop tugas seperti berikut:

- a. Menganggotai Pusat Kesiapsiagaan & Tindakan COVID-19 UMS bagi merancang, memantau dan mengkoordinasi pelan tindakan dalam menangani dan membendung wabak COVID-19 di UMS.
- b. Melaksanakan aktiviti pengesanan dan saringan kesihatan bagi wabak COVID-19 kepada kakitangan dan pelajar UMS.
- c. Melakukan aktiviti pengawasan dan pemerhatian (*home surveillance*) ke atas individu yang menjalankan pemantauan kendiri (*self-monitoring*) di rumah kediaman.

3.4 Lain-lain kakitangan UMS yang telah diarahkan bertugas membantu penularan wabak COVID-19 adalah merangkumi tugas-tugas seperti berikut:

- a. Pegawai dan kakitangan,
 - i. Keselamatan yang telah diarahkan oleh Ketua Bahagian Keselamatan, Jabatan Pendaftar mengikut jadual bertugas yang telah diberikan;

- ii. Jabatan Hal-Ehwal Pelajar (HEP) termasuk kakitangan di Pusat Perumahan Pelajar dan Hospitaliti (PPPH) iaitu Pengetua Kolej dan Felo Kolej-Kolej Kediaman UMS;
- iii. yang dirasakan perlu diarahkan bertugas oleh pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Universiti Malaysia Sabah.

3.5 Garis Panduan lengkap kelayakan pemberian elaun ini adalah seperti pada **LAMPIRAN A**.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

4.1 Pekeliling Pendaftar ini berkuat kuasa serta merta pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima Kasih.

"BERTEKAD CEMERLANG"

Yang ikhlas,



VINA ZAHRIANI YUSOF

Pendaftar

Tarikh : 10 April 2020

- s.k. Naib Canselor
 Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
 Penolong Naib Canselor
 Bendahari
 Ketua Pustakawan



GARIS PANDUAN PEMBERIAN ELAUN KHAS KEPADA KAKITANGAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH YANG TERLIBAT DALAM MENANGANI DAN MEMBENDUNG PENULARAN WABAK COVID-19

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Garis panduan ini dikeluarkan bagi menerangkan pelaksanaan bayaran elaun khas kepada kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang bertugas dan terlibat dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19.

2.0 TAKRIFAN

- 2.1 Bagi maksud garis panduan ini:

“Doktor” bermaksud Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar lantikan tetap dan *contract of service* di Universiti Malaysia Sabah.

“Ketua Jabatan” bermaksud Ketua JFPIB Universiti Malaysia Sabah yang dilantik oleh Naib Canselor UMS.

“Kakitangan Kesihatan” bermaksud anggota dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (selain doktor), jururawat dan kakitangan klinikal yang bertugas di Hospital UMS (HUMS) dan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK).

“Lain-lain Kakitangan” bermaksud kakitangan selain daripada Kakitangan Perubatan seperti kakitangan keselamatan, kakitangan Jabatan HEPA, kakitangan pentadbiran HUMS dan lain-lain kakitangan yang diarahkan bertugas dalam tempoh pengawasan yang terlibat secara langsung membendung penularan wabak Covid-19 di kalangan kakitangan dan pelajar UMS.

3.0 LATAR BELAKANG

- 3.1 Kerajaan Malaysia menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 telah bersetuju untuk memberi elaun khas bulanan kepada penjawat awam yang terlibat langsung dalam pengurusan dan membendung wabak COVID-19 sebagai satu penghargaan daripada Kerajaan terhadap pengorbanan dan jasa pegawai/ petugas yang tersebut.

- 3.2 Sehubungan itu garis panduan ini yang merupakan susulan daripada pemakluman Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui surat bertarikh 18 Mac 2020 akan menjelaskan dasar dan mekanisme bayaran elaun ini agar pelaksanaan di UMS teratur dan berkesan.

4.0 PELAKSANAAN

- 4.1 Pegawai UMS yang layak diberikan elaun ini adalah seperti berikut:
- Doktor dan kakitangan klinikal termasuk kakitangan pentadbiran dan kewangan Hospital UMS (HUMS).
 - Pegawai dan kakitangan keselamatan yang telah diarahkan oleh Ketua Bahagian Keselamatan, Jabatan Pendaftar mengikut jadual bertugas yang telah diberikan.
 - Pegawai dan kakitangan Jabatan Hal-Ehwal Pelajar (HEP) termasuk kakitangan di Pusat Perumahan Pelajar dan Hospitaliti (PPPH) dan Felo Kolej-Kolej Kediaman UMS.
 - Mana-mana kakitangan yang dirasakan perlu diarahkan bertugas oleh pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Universiti Malaysia Sabah.
- 4.2 Kadar Elaun yang layak dibayar kepada kakitangan yang terlibat adalah seperti berikut:

i. kakitangan perubatan dan klinikal

Tempoh Bertugas	Elaun Khas	
	Kurang 15 hari sebulan (melebihi 10 hari)	15 hari dan lebih sebulan
1 Februari – 31 Mac 2020	RM200	RM400
1 April – 30 Jun 2020	RM300	RM600

ii. lain-lain kakitangan dan petugas UMS yang diarahkan bertugas sepanjang tempoh tersebut

Tempoh Bertugas	Elaun Khas	
	Kurang 15 hari sebulan	15 hari dan lebih sebulan
1 Februari – 31 Mac 2020	Tiada Bayaran	RM200

4.3 Syarat Pembayaran:

- a. Elaun akan dibuat melalui tuntutan setiap bulan bermula dari tarikh pegawai memulakan tugas dengan syarat kakitangan perlu mengemukakan laporan kehadiran dari sistem STARS yang telah diperakukuan oleh Ketua Jabatan masing-masing.
- b. Kelayakan bayaran adalah mulai tarikh pegawai memulakan tugas pada atau selepas 1 Februari 2020 sehingga kakitangan tidak lagi diarahkan melaksanakan skop tugas tersebut.
- c. Kakitangan perlu bertugas dalam UMS atau mana-mana premis UMS yang ditetapkan lapan (8) jam sehari bagi tempoh sekurang-kurangnya 15 hari dalam satu (1) bulan kalender;
- d. Laporan kehadiran yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan perlu diserahkan kepada pihak Jabatan Bendahari bagi tujuan pembayaran elaun.
- e. Laporan kehadiran kakitangan perubatan akan dipantau oleh pihak pentadbiran HUMS manakala lain-lain kakitangan dihantar ke Bahagian Sumber Manusia (BSM), Jabatan Pendaftar.
- f. Hanya kakitangan yang mempunyai Surat Kebenaran Bertugas sahaja yang layak memohon tuntutan pembayaran elaun khas.

4.4 Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk:

- a. Memastikan bilangan kakitangan yang optimum untuk diarah bertugas dalam usaha menangani dan membendung penularan wabak COVID-19;
- b. Memastikan kakitangan bertugas mengambil setiap langkah pencegahan dan keselamatan dalam tempoh diarah bertugas;
- c. Membuat semakan dan pengesahan kehadiran bertugas setiap kakitangan yang telah diarahkan bertugas bagi pembayaran elaun.

5.0 TUNTUTAN PEMBAYARAN

- 5.1 Tuntutan pebayaran elaun hendaklah menggunakan Borang Tuntutan Elaun Khas Covid-19 seperti berikut;
 - a. Kakitangan perubatan dan klinikal hendaklah menggunakan **BORANG A.**
 - b. Lain-lain kakitangan dan petugas UMS yang diarahkan bertugas sepanjang tempoh tersebut hendaklah **BORANG B.**
- 5.2 Setiap tuntutan hendaklah dikemukakan bersama;
 - a. Surat kebenaran bertugas oleh Ketua Jabatan,
 - b. Salinan rekod kehadiran bagi bulan berkenaan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan.

6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Elaun ini diberi secara *one-off* berikutan penularan wabak COVID-19 sahaja dan had tempoh pelaksanaannya adalah tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah.
- 6.2 Pemberian elaun ini tidak menghalang untuk kakitangan UMS yang terlibat menuntut atau menerima elaun lain yang melayakkan mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

7.0 TARIKH KUAT KUASA

- 7.1 Pelaksanaan bayaran elaun ini berkuatkuasa mulai **1 Februari 2020** atau mulai pegawai diarah untuk melaksanakan skop tugas tersebut mengikut mana-mana yang terkemudian.

Disediakan oleh;

Bahagian Sumber Manusia,
Jabatan Pendaftar.

BORANG A**BORANG TUNTUTAN ELAUN KHAS COVID-19 (PERUBATAN/ KLINIKAL)**

(BULAN _____ TAHUN _____)

BAHAGIAN A : MAKLUMAT PEGAWAI

Nama :
Jawatan/ Gred :
J/F/P/I/B :
No. Kad Pengenalan :
No. Akaun Bank :
Nama & Cawangan Bank :

BAHAGIAN B : BUTIRAN PEGAWAI

(Sila tandakan (✓) yang mana berkenaan)

- (i) Bertugas sekurang-kurangnya 15 hari dalam satu (1) bulan kalender (RM600)
- (ii) Bertugas kurang daripada 15 hari dalam satu (1) bulan kalender (RM300)

BAHAGIAN C : PERAKUAN PEGAWAI

Dengan ini saya mengakui bahawa butiran di atas adalah benar. Saya juga membenarkan kutipan balik oleh Ketua Jabatan sekiranya terdapat elaun yang terlebih bayar.

(Tandatangan Pegawai)

Tarikh:

BAHAGIAN D: PENGESAHAN KETUAN JABATAN

Saya dengan ini mengesahkan bahawa pegawai telah diarahkan bertugas dan layak dibayar Elaun Khas COVID-19 berjumlah RM_____.

(Tadatangan Ketua Jabatan)

Nama Penuh :

Jawatan:

Tarikh:

BAHAGIAN E: KELULUSAN BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

Pembayaran yang diluluskan RM_____

(Tadatangan Ketua BSM)

Nama Penuh & Jawatan:

Tarikh:

Ulasan (Jika Berkенаan)

BORANG B**BORANG TUNTUTAN ELAUN KHAS COVID-19**

(BULAN _____ TAHUN _____)

BAHAGIAN A : MAKLUMAT PEGAWAI

Nama	:
Jawatan/ Gred	:
J/F/P/I/B	:
No. Kad Pengenalan	:
No. Akaun Bank	:
Nama & Cawangan Bank	:

BAHAGIAN B : BUTIRAN PEGAWAI

- (i) Bertugas sekurang-kurangnya 15 hari dalam satu (1) bulan kalender (RM200)

BAHAGIAN C : PEAKUAN PEGAWAI

Dengan ini saya mengakui bahawa butiran di atas adalah benar. Saya juga membenarkan kutipan balik oleh Ketua Jabatan sekiranya terdapat elaun yang terlebih bayar.

(Tadatangan Pegawai)

Tarikh:

BAHAGIAN D: PENGESAHAN KETUA JABATAN

Saya dengan ini mengesahkan bahawa pegawai telah diarahkan bertugas dan layak dibayar Elaun Khas COVID-19 berjumlah RM_____.

(Tadatangan Ketua Jabatan)

Nama Penuh :

Jawatan:

Tarikh:

BAHAGIAN E: KELULUSAN BAHAGIAN SUMBER MANUSIA (BSM)

Pembayaran yang diluluskan RM_____

Ulasan (Jika Berkenaan)

(Tandatangan Ketua BSM)

Nama Penuh & Jawatan:

Tarikh: